

Menabung Sebagai Bekalan Ketika Kesempitan

Oleh: Rosniza Abd Radzi

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 11 Jun 2021

Ramai di antara kita yang sedar tentang perlunya menabung. Jika ditanya, pasti ramai yang mahu mempunyai simpanan yang banyak menjelang hari tua.

Walaupun begitu, amalan yang dididik sejak di bangku sekolah ini sememangnya tidak mudah untuk dipraktikkan secara konsisten meskipun ia memberi banyak kebaikan.



Gambar hiasan.

Tabungan amat diperlukan terutamanya ketika dalam keadaan kecemasan yang memerlukan kita menggunakan wang yang banyak. Keadaan ini dapat dilihat dalam situasi yang kita alami sekarang.

Ketika negara mula diserang wabak COVID-19, rata-rata penduduk masih mempunyai kedudukan kewangan yang stabil dan beranggapan ia mungkin akan berlaku bagi jangka masa pendek.

Namun, tiada siapa yang tahu rahsia Tuhan. Wabak yang melanda negara ini masih berlarutan sehingga sekarang.

Ramai yang terjejas mata pencarian sehingga mengakibatkan ada peniaga yang terpaksa gulung tikar dan pekerja terpaksa diberhentikan kerja.

Berdasarkan kajian secara dalam talian (pusingan satu) oleh Jabatan Perangkaan bagi tempoh antara 18 hingga 31 Mac 2019 mendapati bahawa sejumlah 71.4 peratus responden daripada 168,182 responden yang berusia lingkungan 15 tahun dan ke atas bagi kategori bekerja sendiri hanya memiliki simpanan yang mencukupi bagi tempoh kurang daripada setahun.

Bagi pekerja swasta pula, sebanyak 82.7 peratus responden hanya memiliki simpanan yang mencukupi bagi tempoh dua bulan.

Jadi, bagi membantu mereka yang terjejas, kerajaan telah memberikan pelbagai insentif seperti Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Geran Khas Prihatin (GKP).

Kerajaan turut membenarkan pengeluaran sebahagian caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melalui program i-Lestari dan i-Sinar.

Keinginan memiliki aset seperti sebuah rumah dan sebidang tanah adalah perkara yang tidak mudah untuk dicapai.

Harga yang semakin tinggi menyebabkan ramai orang tidak mampu membeli rumah. Situasi itu menyebabkan mereka memilih untuk menyewa.

Menurut indeks harga rumah yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, terdapat peningkatan harga sebanyak 0.6 peratus bagi semua jenis rumah dari tahun 2019 sehingga 2020.

Namun, jika kita mempunyai simpanan yang dikhususkan untuk membeli rumah atau tanah, ia dapat membantu kita sekurang-kurangnya membayar wang pendahuluan.

Tabungan juga boleh digunakan untuk pendidikan. Tabungan yang ada boleh digunakan bagi membeli buku rujukan, alat tulis dan sebagainya yang diperlukan oleh pelajar.

Bagi pelajar sekolah, mungkin mereka tidak begitu risau mengenai perbelanjaan harian kerana masih ditanggung oleh kedua ibu bapa.

Namun, mahasiswa yang menuntut di universiti memerlukan wang yang agak banyak bagi menampung perbelanjaan harian serta pembelajaran.

Meskipun ada di antara mahasiswa yang menerima pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), selain biasiswa atau pinjaman dari agensi lain, ada kalanya wang tersebut tidak cukup lebih-lebih lagi pada awal semester.

Bayangkanlah jika tiada tabungan, mereka terpaksa meminjam daripada rakan-rakan yang mungkin menghadapi situasi sama.

Tidak dinafikan, memang sukar untuk mula menabung lebih-lebih lagi bagi seorang pelajar. Pada peringkat awal mungkin seseorang mahasiswa itu boleh mula menabung secara konsisten dengan jumlah RM1.

Memang kecil nilainya namun jika dihitung bagi tempoh setahun, ia boleh mencecah RM365. Maka jumlah yang dikumpul itu, sedikit sebanyak dapat digunakan ketika memerlukan.

Amalan menabung tidak seharusnya dipandang enteng. Jika dahulu gaji diperolehi secara tetap, keadaan sekarang mungkin berbeza buat sesetengah orang.

Maka tabungan dari pelbagai sumber akan dicari. Bayangkan jika tiada simpanan langsung, apakah yang akan terjadi?